

# **Family Variables and Self Concept Variables (Part 16)**

Siti Sarawati Binti Johar

## **5.0 KELUARGA SEBAGAI PEMBOLEH UBAH (PENGARUH UTAMA) PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI ANAK**

### **5.1 Peranan ibu bapa**

Hasil daripada beberapa teori yang saya rasakan agak signifikan dengan kajian yang dominan pada faktor keluarga khususnya ibu bapa sebagai pemboleh ubah dalam pembentukan konsep kendiri anak-anak, dapatlah ditafsirkan bahawa sememangnya wujud kolerasi yang tinggi antara dua perkaitan utama ini. Pemfokusan diberikan kepada peranan ibu bapa sebagai ‘ketua dalam unit sebuah institusi keluarga yang unik’, diikuti iklim yang terbentuk terhadap pengaruh dan perhubungan sesama anak atau adik beradik dalam sesebuah keluarga. Hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak sebenarnya bukan merupakan hubungan yang statik akan tetapi sebaliknya merupakan suatu perhubungan yang amat dinamik dan unik kerana wujudnya suatu situasi ‘give and take’ dan ‘kesan dan akibat’. Perhubungan dinamik ini berlangsung mengikut peringkat perkembangan sahsiah, mental dan umur anak. Agak jelas, ibu bapa mempunyai peranan utama dalam membentuk konsep kendiri anak-anak sejak lahir sehingga ke alam remaja, malahan menjadi pemangkin utama dalam pengaruh ke arah kewujudan personaliti anak yang ideal ataupun tidak.

Tanggungjawab dan peranan ibu bapa tidak pernah berakhir setakat dengan menghantar anak-anak ke pagar sekolah seterusnya menyerahkan bulat-bulat peranan tersebut kepada pihak guru khususnya. Agen utama sosialisasi pembentukan konsep kendiri iaitu pihak ibu bapa tidak hanya setakat untuk mendisiplinkan anak-anak, malahan turut perlu berperanan sebagai role model yang terbaik beserta didikan agama yang mencukupi. Pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak dipercayai berlaku dalam dua cara. Pertama adalah melalui pewarisan baka dan kedua melalui perwarisan melalui proses pembelajaran. Pembelajaran diistilahkan sebagai berlaku dalam konteks persekitaran seperti bentuk dan corak didikan ibu bapa serta tauladan oleh ibu bapa yang berkredibiliti untuk mempengaruhi perkembangan dan pembentukan konsep kendiri anak-anak.

*‘Anak dilahirkan seperti kain putih...ibu bapalah yang mencorakkannya’.* Kepercayaan asasi ini wujud bahawa seorang anak bukan sahaja mengikut contoh ibu bapa malah berkemungkinan akan menjadi lebih buruk daripada yang mampu digambarkan contohnya melalui peribahasa, *‘ayah kencing berdiri, anak kencing berlari’*. Ini selari dengan kenyataan

pengkaji dan ahli teori bahawa anak-anak adalah pemerhati yang aktif namun mereka adalah penilai yang lemah. Jelas, hubungan ibu bapa dengan anak dalam sesebuah keluarga adalah wujud melalui beberapa acuan tentang corak kaedah keibubapaan yang diaplikasikan. Kaedah ini juga ditentukan oleh model-model yang wujud dalam sesebuah entiti masyarakat serta andaian-andaian tertentu.

Gaya mendidik anak diertikan sebagai sikap yang ada pada ibu bapa berkenaan dalam proses membesarkan anak, seperti yang digambarkan melalui interaksi mereka dengan anak mereka (Darlin & Steinberg, 1993). Gaya ini didapati menggambarkan inisiatif bagi membentuk anak-anak yang gembira, sihat dan berkebolehan (Gunnoe, Hetherington & Reiss, 1999).

CONTINUE...